

Jakarta Post sokong usaha PM di Thailand

BH- 14/2/2007

JAKARTA: Inisiatif Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membantu mengembalikan keamanan di Selatan Thailand yang bergolak, disambut baik dan menerima sokongan padu sebuah akhbar Indonesia.

"Kami menyokong usaha damai Perdana Menteri Malaysia berikutan ketidakstabilan di wilayah itu akan turut menjejaskan rantau ini kerana penganas antarabangsa mungkin meningkatkan kehadiran mereka di sana," kata *Jakarta Post* dalam lidah pengarangnya, semalam.

Ia turut mengalu-alukan tawaran Perdana Menteri untuk menamatkan pemberontakan berdarah di wilayah majoriti penduduk Islam, itu yang menjadi isu sejak 1960-an, ketika lawatan tiga hari Abdullah ke Thailand, mulai Ahad lalu.

Abdullah mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont di Phuket, pada Ahad dan perbincangan rasmi di Bangkok diadakan kelmarin, yang memberi tumpuan terhadap isu puak pemisah itu.

Abdullah juga menghadap Raja Thailand, Bhumibol Adulyadej.

"Peluang baik bagi Malaysia untuk membuktikan ia meng-

hormati kedaulatan wilayah Thailand dan keprihatinan yang ditunjukkan hanya dari sudut kemanusiaan," menurut akhbar itu.

Jakarta Post berkata, Malaysia juga mempunyai kepentingan keselamatan negara di rantau ini kerana pergolakan di sempadan dengan Thailand juga akan memberi kesan kepada keselamatan dalam negara.

Katanya, usaha Abdullah diperlukan kerana Thailand sendiri tidak mampu menamatkan pemberontakan bersenjata itu, sambil menegaskan bahawa ia memerlukan bantuan luar seperti yang diberikan Indonesia kepada Filipina dalam mencapai konsensus politik dengan pemberontak Islam di Mindanao pada 1990-an.

Menurut akhbar itu, Indonesia sendiri menemui keamanan di Aceh hanya selepas bencana tsunami pada Disember 2004, yang memaksa Kerajaan Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) untuk menerima perantara antarabangsa.

Penyelesaian Aceh mungkin boleh digunakan sebagai model penyelesaian konflik di Selatan Thailand kerana mempunyai persamaan dalam isu kemiskinan, ketidakadilan, pencabulan hak asasi dan diskriminasi. - Bernama